

09 FEB 2001

Ling - Rombakan

LING NAFI LAPORAN ROMBAKAN PEMIMPIN MCA DALAM KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 9 Feb (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata berita mengenai rombakan Kabinet membabitkan menteri-menteri dari MCA adalah khabar angin yang tidak berasas sama sekali.

"Sebagai presiden MCA, saya ingin memberi penjelasan bahawa ini adalah hanya khabar angin yang tidak berasas langsung," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dr Ling, yang juga Menteri Pengangkutan, berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini yang menyatakan MCA akan membuat beberapa perubahan 'drastik' membabitkan menteri dan timbalan menterinya dalam kerajaan.

Beliau ditemui pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Pengangkutan dan Teknologi negeri Bavaria, German, Dr Otto Weisheu di pejabatnya di sini.

"Kita (MCA) tidak ada apa-apa keinginan pun untuk mengubah," jelasnya.

Beliau berkata semua menteri Kabinet dari MCA telah memainkan peranan penting dan mereka adalah pemimpin yang cekap, yang telah menjalankan tugas dengan baik.

Antara mereka yang kononnya terbabit ialah dua orang naib presiden parti, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng yang dilaporkan akan melepaskan jawatan kepada Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy.

Ditanya sama ada khabar angin sedemikian sengaja dibangkitkan oleh pihak tertentu sebagai cubaan untuk menggugat kestabilan MCA atau oleh pihak yang cuba untuk mencapai kedudukan yang lebih tinggi, Dr Ling berkata:

"Saya tidak fikir begitu, saya fikir seseorang yang nakal ...seorang wartawan yang nakal, itu sahaja. Ia datang dari akhbar, ia tidak datang dari sumber lain," katanya.

Berkaitan kemungkinan rombakan Kabinet yang dikatakan membabitkan menteri MCA itu hanya diketahui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Dr Ling berkata, Perdana Menteri biasanya berunding dengannya terlebih dahulu.

"Secara tekniknya, Perdana Menteri tak payah berunding dengan saya pun boleh, tapi perhubungan antara MCA dan Umno, saya dengan Dr Mahathir adalah baik, saya percaya Perdana Menteri tak akan buat apa-apa rombakan tanpa berunding (dengan saya).

"Cakap-cakap sahaja, kepada saya ia khabar angin tidak berasas," katanya.

-- BERNAMA

AFY AZZ RI